



KERAJAAN MALAYSIA

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI
NO. 1 TAHUN 2023**

SIRI 2 NO. 2 TAHUN 2024

GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL:

**PELAKSANAAN STRATEGI
PEMBANTERASAN RASUAH NASIONAL**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI
NO. 1 TAHUN 2023**

SIRI 2 NO. 2 TAHUN 2024

GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL:

**PELAKSANAAN STRATEGI
PEMBANTERASAN RASUAH NASIONAL**

KANDUNGAN

1. Tujuan	1
2. Latar Belakang	2
3. Objektif NACS	4
4. Peranan dan Tanggungjawab Menteri/Menteri Besar/Ketua Menteri	5
5. Pengurusan NACS	6
5.1. Pelaksanaan NACS	7
5.2. Tatakelola NACS	8
5.3. Pemantauan dan Penilaian NACS	12
5.4. Pelaporan	14
6. Langkah Pembangunan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi	15
6.1. Keperluan Pembangunan Pelan	15
6.2. Pembangunan Pelan	19
6.3. Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan	28
6.4. Semakan Semula dan Pembaharuan Pelan	30
7. Penutup	31
8. Tarikh Kuat Kuasa	31
9. Lampiran A	

1. TUJUAN

- 1.1. Arahan ini bertujuan mendukung usaha pemantapan tatakelola, integriti dan pemberantasan rasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan melalui pelaksanaan Strategi Pemberantasan Rasuah Nasional/*National Anti-Corruption Strategy* (NACS). Matlamat utamanya adalah untuk:
- (i) Memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional “Membangun Malaysia Madani”;
 - (ii) Memberi panduan yang jelas kepada semua kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri tentang keperluan, peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan NACS dan agenda pencegahan rasuah organisasi dilaksanakan dengan sempurna; dan
 - (iii) Memastikan semua kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri untuk menerima pakai dan melaksanakan NACS sebagaimana yang telah ditetapkan serta mewujudkan pelan

pencegahan rasuah organisasi di organisasi masing-masing.

- 1.2. Semua kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri hendaklah mematuhi dan melaksanakan Arahan ini sewajarnya, atas dasar pematuhan arahan-arahan Kerajaan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Kerajaan amat komited untuk memastikan sistem pentadbiran negara dapat bergerak dengan berkesan serta bebas daripada ancaman rasuah bersandarkan prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan, sekaligus meningkatkan imej Malaysia ke arah mencapai kedudukan ke-25 dalam Indeks Persepsi Rasuah/*Corruption Perception Index* (CPI) menjelang tahun 2033.
- 2.2. Bagi mencapai matlamat tersebut, mandat bagi pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional atau *National Anti-Corruption Strategy* (NACS) telah diperolehi melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 6 Julai 2023. Keputusan

Kerajaan untuk meneruskan agenda antirasuah melalui NACS ini adalah selari dengan keperluan instrumen di peringkat antarabangsa sebagai suatu kesinambungan kepada Pelan Antirasuah Nasional/*National Anti-Corruption Plan* (NACP). Keputusan ini juga selaras dengan Perkara 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Memerangi Rasuah (*United Nations Convention against Corruption* - UNCAC).

- 2.3. Bagi merealisasikan kehendak tersebut, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN) dengan sokongan penuh daripada semua pemegang taruh yang berkaitan telah merangka satu strategi khusus yang dinamakan sebagai Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional/*National Anti-Corruption Strategy* (NACS) bagi menangani isu-isu tatakelola, rasuah dan integriti di negara ini.
- 2.4. NACS telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 April 2024 untuk dilaksanakan dan diterima pakai di semua peringkat kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri. Semua YB Menteri/YAB Menteri Besar/YAB Ketua Menteri

juga dikehendaki menerajui strategi dan substrategi yang telah digariskan dalam NACS mengikut portfolio dan bidang kuasa masing-masing dan perlulah memastikan setiap perkara yang digariskan dalam NACS dilaksana dan dipantau dari semasa ke semasa.

- 2.5. NACS seterusnya telah diluncurkan dengan rasminya pada 7 Mei 2024 oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dengan visi NACS “Malaysia ke Arah Negara Bebas Rasuah dan Makmur”.

3. OBJEKTIF NACS

- 3.1. Objektif NACS dalam pemantapan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan adalah untuk:
 - 3.1.1. menyediakan halatuju dan kerangka strategi pembanterasan rasuah yang berstruktur dan jelas;
 - 3.1.2. mewujudkan kerjasama antara pelbagai agensi dalam memaksimakan penggunaan pelbagai sumber dan idea dalam tindakan pemantapan tatakelola, pembanterasan rasuah dan integriti;

- 3.1.3. meningkatkan integriti, kebertanggungjawaban dan ketelusan serta keterbukaan dalam proses pentadbiran Kerajaan sekaligus mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa; dan
- 3.1.4. mencapai visi NACS “Malaysia ke Arah Negara Bebas Rasuah dan Makmur”.

4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MENTERI/MENTERI BESAR/KETUA MENTERI

Sebagai mendukung hasrat Kerajaan untuk Malaysia ke arah negara bebas rasuah dan makmur melalui pelaksanaan NACS ini, setiap YB Menteri/YAB Menteri Besar/YAB Ketua Menteri perlulah:

- 4.1. menjadi peneraju kepada setiap substrategi yang ditetapkan dalam NACS mengikut portfolio dan bidang kuasa masing-masing;
- 4.2. memastikan setiap Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri, ketua jabatan dan ketua agensi melaksanakan substrategi NACS di bawah portfolio masing-masing sebagaimana ditetapkan;

- 4.3. mengemukakan sebarang cadangan dan penambahbaikan kepada strategi dan substrategi NACS sedia ada atau baharu sesuai dengan keperluan dan kehendak negara;
- 4.4. menjadi *role model* kepada agensi dan masyarakat dalam melaksanakan dan mematuhi setiap substrategi yang telah dikuatkuasakan;
- 4.5. menyebarluas substrategi NACS dan usaha pencegahan rasuah yang telah dan akan dilaksanakan kepada masyarakat umum; dan
- 4.6. memperjuang serta memastikan kelestarian pelaksanaan NACS dan mampan dalam apa jua keadaan.

5. PENGURUSAN NACS

Bagi memastikan agar NACS dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya, komitmen penuh kepimpinan tertinggi kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri terhadap proses pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan pelaporan NACS hendaklah menjadi keutamaan.

5.1. Pelaksanaan NACS

Dalam melaksanakan NACS, setiap Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, ketua jabatan dan ketua agensi hendaklah:

- 5.1.1. menerajui pelaksanaan bagi setiap substrategi yang telah dinyatakan dalam NACS;
- 5.1.2. memastikan setiap substrategi yang berkaitan dilaksana dan direalisasikan mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan;
- 5.1.3. melaksanakan koordinasi dan keterlibatan kementerian, jabatan, agensi, mana-mana organisasi berkaitan Kerajaan, swasta, pertubuhan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan bagi memastikan setiap substrategi yang bersifat generik dapat diselesaikan dengan lebih berkesan;
- 5.1.4. menyebarluas pelaksanaan dan keperluan pematuhan setiap substrategi NACS

kepada semua warga dan pihak berkaitan di kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri; dan

- 5.1.5. menguatkuasakan setiap substrategi dalam bentuk dasar/arahan yang terhasil daripada NACS kepada semua peringkat yang berkaitan.

5.2. Tatakelola NACS

- 5.2.1. Struktur tatakelola pelaksanaan dan pemantauan NACS hendaklah menggunakan struktur mekanisme pengurusan tatakelola, integriti dan antirasuah kebangsaan sebagaimana Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023: Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan dengan menjadikan NACS sebagai salah satu agenda mesyuarat sepertimana di Rajah 1.

- 5.2.2. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) peringkat kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri hendaklah berfungsi sebagai mekanisme tertinggi di peringkat berkenaan yang membincangkan pelaksanaan dan pemantauan NACS di bawah portfolio masing-masing. Unit integriti kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri selain bertindak sebagai urusetia JTK, hendaklah juga bertindak sebagai Sekretariat Penyelaras NACS yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaian NACS.
- 5.2.3. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional akan membincangkan dan mengesyorkan sebarang cadangan berkaitan dasar atau inisiatif generik yang berhubungkait dengan NACS hasil daripada maklumbalas Mesyuarat JTK kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri. Syor dan cadangan berkenaan akan dikemukakan kepada BPGN untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola

Nasional (JKKTN) [*Dahulu dikenali sebagai Mesyuarat JKKMAR*].

- 5.2.4. Mesyuarat JKKTN pula akan meneliti, menilai, menasihati dan mengabsahkan laporan dan syor yang dikemukakan melalui Laporan Pemantauan dan Penilaian Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional oleh Sekretariat NACS.
- 5.2.5. Laporan Pemantauan dan Penilaian Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional yang telah dipersetujui oleh JKKTN atau/dan Mesyuarat Jemaah Menteri perlulah dikemukakan kepada Parlimen pada setiap tahun.

Parlimen

- Menerima dan meneliti Laporan Pemantauan dan Penilaian oleh SPRM mengenai NACS.
- Bertindak sebagai mekanisme semak dan imbang.



Jemaah Menteri

- Mempertimbang Laporan Pemantauan dan Penilaian mengenai NACS sebelum dikemukakan kepada Parlimen.



Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN)

- Memperaku Laporan Pemantauan dan Penilaian mengenai NACS sebelum dikemukakan kepada Jemaah Menteri.
- Mempertimbang syor penambahbaikan dasar yang telah digariskan dalam NACS.
- Mengemukakan sebarang cadangan penambahbaikan kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri sekiranya terdapat perkara berkaitan NACS yang memerlukan perhatian dan tindakan segera.



Jawatankuasa Tatakelola Kebangsaan (JTK)

- Memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JKKTN berkaitan NACS.
- Mengenal pasti dan mencadangkan penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan strategi NACS secara efisien.



BPGN sebagai Sekretariat

Menilai prestasi tahunan dan keberkesanan substrategi yang dilaksanakan melalui laporan pemantauan.




Agensi Peneraju

Rajah 1: Struktur Tatakelola NACS

5.3. Pemantauan dan Penilaian NACS

Proses pemantauan dan penilaian amat penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil telah mematuhi kehendak dan matlamat NACS. Proses tersebut dapat diterjemahkan kepada empat peringkat utama seperti Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Mekanisme Pemantauan dan Penilaian NACS

Bagi memastikan proses pemantauan dan penilaian NACS dapat dilaksanakan dengan berkesan, Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, ketua jabatan dan ketua agensi hendaklah:

- 5.3.1. memantau status pencapaian substrategi NACS dari semasa ke semasa bagi memastikan ia dapat dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan;
- 5.3.2. menilai keberkesanan pelaksanaan substrategi agar menyokong matlamat strategi-strategi yang telah ditetapkan;
- 5.3.3. memantau pematuhan terhadap substrategi yang dikuatkuasakan di peringkat kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri;
- 5.3.4. mengenalpasti perkongsian amalan terbaik di peringkat kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri yang boleh dijadikan amalan terbaik untuk dikongsikan di peringkat kebangsaan; dan

5.3.5. mengesyorkan penambahbaikan terhadap substrategi sedia ada atau penambahan substrategi baharu yang bersifat generik kepada Sekretariat NACS untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Penyelarasaran Prestasi Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional sebelum dikemukakan kepada Mesyuarat JKKTN.

5.4. Pelaporan

5.4.1. Setiap agensi peneraju yang ditetapkan dalam NACS hendaklah mengkoordinasi pelaporan berkaitan substrategi yang diterima daripada agensi berkaitan pada setiap masa sebelum dikemukakan kepada Sekretariat NACS.

5.4.2. Setiap agensi peneraju hendaklah mengemukakan Laporan Pemantauan dan Penilaian Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional kepada Sekretariat NACS pada setiap suku tahun mengikut format pelaporan sepertimana di Lampiran A.

5.4.3. Berdasarkan laporan oleh setiap agensi peneraju dan keputusan Mesyuarat Penyelarasaran Prestasi Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional, Sekretariat NACS hendaklah mengemukakan dan membentangkan Laporan Pemantauan dan Penilaian Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional kepada Mesyuarat JKKTN atau/ dan Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan.

6. LANGKAH PEMBANGUNAN PELAN PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI

6.1. Keperluan Pembangunan Pelan

6.1.1. Pelan pencegahan rasuah organisasi adalah merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

6.1.2. Pembangunan pelan ini merupakan kehendak mandatori di bawah NACS

“Strategi 2 Substrategi 18: Mewajibkan sektor awam membangunkan langkah pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah dengan bantuan SPRM.”

- 6.1.3. Sehubungan itu, mana-mana kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri hendaklah membangunkan pelan ini di peringkat organisasi masing-masing berkuatkuasa daripada tarikh Arahan ini dikeluarkan.
- 6.1.4. Pelan ini hendaklah dibangunkan dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- 6.1.5. Ruang lingkup pelaksanaan pelan hendaklah merangkumi aspek tatakelola, integriti dan antirasuah dalam organisasi serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.
- 6.1.6. Penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan pelan hendaklah

dipertanggungjawabkan kepada ketua jabatan dengan diselaraskan oleh unit integriti kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri (jika ada) atau mana-mana bahagian, cawangan atau unit yang mengendalikan aspek tatakelola, integriti dan antirasuah. Bahagian, cawangan atau unit berkenaan hendaklah juga bertindak sebagai sekretariat penyelaras pelan ini yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaianya.

- 6.1.7. Tempoh pelaksanaan pelan ini hendaklah antara tiga tahun atau lima tahun dan tidak semestinya perlu seiring dengan tempoh pelaksanaan NACS.
- 6.1.8. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Kebangsaan (JTK) peringkat kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri hendaklah berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan pelan ini, melainkan terdapat isu bersifat generik

yang perlu diselesaikan pada peringkat yang lebih tinggi.

- 6.1.9. Bagi sektor swasta, selaras dengan peruntukan subseksyen 17A(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], satu “Garis Panduan Tatacara Mencukupi Di Bawah Subseksyen 5 Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009” bertarikh 4 Disember 2018 telah dikeluarkan oleh Menteri. Oleh itu, telah terdapat peruntukan khusus di bawah Akta 694 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Menteri yang memperuntukkan mekanisme menangani dan mengelakkan perbuatan rasuah dalam organisasi komersial yang meliputi sektor swasta.

- 6.1.10. Pelaksanaan suatu pelan pencegahan rasuah di sektor swasta sewajarnya digalakkan dan boleh dilaksanakan mengikut keputusan eksekutif sesuatu organisasi yang berkenaan dan

disesuaikan mengikut keperluan organisasi masing-masing.

6.2. Pembangunan Pelan

Dalam membangunkan pelan ini, setiap kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri perlulah mengambilkira langkah-langkah berikut:

6.2.1. Melantik Jawatankuasa Pembangunan Pelan

- i. Melantik jawatankuasa khusus yang bertanggungjawab dalam pembangunan pelan diurus setiakan oleh unit integriti kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri (jika ada) atau mana-mana bahagian, cawangan atau unit yang mengendalikan aspek tatakelola, integriti dan antirasuah. Jawatankuasa berkenaan hendaklah dipersetujui oleh pengurusan tertinggi organisasi;

- ii. Pengerusi bagi jawatankuasa berkenaan hendaklah dilantik dari kalangan pengurusan tertinggi organisasi;
- iii. Ketua Jawatankuasa Pembangunan Pelan hendaklah dilantik oleh pengurusan tertinggi organisasi dari kalangan pegawai yang berpengalaman dalam tatakelola, integriti dan antirasuah;
- iv. Ahli jawatankuasa berkenaan hendaklah dianggotai setiap wakil bahagian, cawangan atau unit dalam organisasi berkenaan;
- v. Jawatankuasa berkenaan hendaklah berkolaborasi dengan unit integriti serta bertanggungjawab terus kepada pengurusan tertinggi organisasi. Pelaporan perkembangan pembangunan pelan ini kepada pengurusan tertinggi organisasi hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sebulan sekali;

- vi. Bagi memastikan jawatankuasa dapat melaksanakan fungsi dengan berkesan, pengurusan tertinggi organisasi hendaklah memperuntukkan sumber (kewangan, tenaga dan logistik) dan memberi autoriti kepada jawatankuasa berkenaan untuk melaksanakan keterlibatan, perbincangan, semakan, kajian dan penelitian terhadap kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam organisasi; dan

- vii. Jawatankuasa berkenaan hendaklah diberi tempoh yang mencukupi bagi membangunkan pelan ini dan ianya tidak melebihi tempoh satu tahun dari penubuhan jawatankuasa berkenaan.

6.2.2. Melaksanakan Analisis Persekutaran

Kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri perlu mengambil kira langkah-langkah berikut dalam

melaksanakan analisis persekitaran semasa pembangunan pelan pencegahan rasuah organisasi:

- i. Menganalisis maklumat tentang persekitaran dalaman dan luaran organisasi serta mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam organisasi berhubung usaha pemantapan tatakelola, integriti dan antirasuah;
- ii. Melaksanakan penilaian risiko rasuah (*corruption risk assessment*) bagi mengenalpasti risiko-risiko baharu yang mungkin menjaskan operasi dan imej organisasi. Proses ini hendaklah mengambilkira risiko-risiko rasuah dalam organisasi berdasarkan skop tugas, kuasa melalui undang-undang mahupun pentadbiran, jumlah perjawatan, jumlah peruntukan tahunan organisasi, penglibatan pihak luar atau pihak ketiga sebagai pembuat keputusan,

- mekanisme semak dan imbang dan keberkesanan tindakan pencegahan yang telah diambil;
- iii. Menganalisis data berbentuk laporan keadaan sebenar kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah organisasi seperti maklumat daripada SPRM, Jabatan Audit Negara, Biro Pengaduan Awam dan laporan audit dalam organisasi;
 - iv. Menganalisis data berbentuk kajian kepuasan/persepsi terhadap agensi seperti kajian tahap kepuasan pelanggan, kaji selidik dalaman organisasi, kajian persepsi peringkat nasional dan kajian persepsi peringkat antarabangsa;
 - v. Meneliti cadangan dan syor daripada mana-mana jawatankuasa bebas, institusi bebas dalam dan luar negara, NGO dan media;

- vi. Melaksanakan penandaarasan (*benchmarking*) strategi dan substrategi dengan agensi-agensi di dalam dan luar negara;
- vii. Mengadakan sesi perbincangan dengan setiap bahagian, cawangan atau unit bagi mengenalpasti permasalahan berkaitan kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Sesi perbincangan hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Jawatankuasa Pembangunan Pelan; dan
- viii. Menyemak keberkesanan pelan antirasuah atau mana-mana pelan terdahulu yang seumpamanya.

6.2.3. Menetapkan Halatuju dan Merangka Pelan

- i. Menyenaraikan isu-isu, syor, permasalahan atau kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah yang wujud dalam organisasi;

- ii. Menyenaraikan punca-punca berlakunya kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam organisasi;
- iii. Mengenalpasti bidang keutamaan yang perlu diberi tumpuan berdasarkan hasil analisis persekitaran dan corak aktiviti organisasi;
- iv. Melaksanakan sesi *brainstorming* bersama semua wakil jabatan, bahagian atau cawangan dan *stakeholder* yang berkaitan bagi membincangkan halatuju dan sasaran (visi, misi dan matlamat) pelan berdasarkan penemuan analisis persekitaran yang telah dilaksanakan. Halatuju dan sasaran pelan hendaklah mendukung visi, misi dan matlamat NACS;
- v. Melaksanakan perancangan senario bagi mengenalpasti risiko-risiko baru yang bakal berlaku untuk

- tempoh melebihi 10 tahun ke atas.
(tertakluk kepada keperluan);
- vi. Membangunkan kerangka pelan pencegahan rasuah organisasi;
 - vii. Mengenalpasti strategi, objektif strategik dan pelan tindakan yang bersesuaian bagi menangani isu dan permasalahan yang berbangkit;
 - viii. Mengenalpasti peneraju yang akan bertanggungjawab dalam melaksanakan setiap strategi dan pelan tindakan yang dirangka;
 - ix. Mengenalpasti tempoh masa bagi pelaksanaan strategi dan pelan tindakan pelan; dan
 - x. Menetapkan indikator bagi mengukur pencapaian pelan dan setiap strategi dan pelan tindakan.

6.2.4. Mendapatkan Pengesahan dan Persetujuan Pengurusan Tertinggi Organisasi

- i. Draf pelan yang dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Pelan hendaklah dikemukakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Organisasi untuk dipertimbang dan mendapat kelulusan.

6.2.5. Hebahan dan Pemakluman Pelan

- i. Pelan yang telah diluluskan hendaklah didokumenkan dan diedarkan kepada warga kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri untuk rujukan dan panduan pelaksanaan;
- ii. Dokumen pelan hendaklah disiarkan dan dimuatnaik dalam laman sesawang organisasi tertakluk kepada keperluan dan keputusan pihak pengurusan

- tertinggi kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri bagi memudahkan capaian oleh setiap warga dan umum; dan
- iii. Sesi penerangan secara langsung hendaklah dilaksanakan di semua peringkat sama ada ibu pejabat mahupun negeri.

6.3. Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan

Bagi memastikan pelan ini dilaksanakan, setiap Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, ketua jabatan dan ketua agensi hendaklah:

- 6.3.1. Memastikan unit integriti kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri (jika ada) atau mana-mana bahagian, cawangan atau unit yang berkaitan memantau, menilai dan melapor pencapaian pelan;

- 6.3.2. Memastikan setiap pelan tindakan dilaksana mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan;
- 6.3.3. Melaksanakan koordinasi dan keterlibatan bersama jabatan, bahagian, agensi, di dalam dan luar organisasi bagi memastikan pelan tindakan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;
- 6.3.4. Memastikan pematuhan pelan pencegahan rasuah organisasi oleh semua warga dan pihak berkaitan di kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri;
- 6.3.5. Memastikan laporan pencapaian pelaksanaan pelan ini dikemukakan kepada pengurusan tertinggi organisasi pada setiap suku tahun; dan
- 6.3.6. Memastikan laporan pencapaian pelaksanaan pelan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa

Tatakelola Kebangsaan (JTK) peringkat kementerian, jabatan, agensi awam dan kerajaan negeri untuk pertimbangan dan keputusan.

6.4. Semakan Semula dan Pembaharuan Pelan


- 6.4.1. Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan pelan ini hendaklah dilaksanakan pada setiap tahun sekali bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul; dan
- 6.4.2. Tindakan pembaharuan pelan hendaklah dilaksanakan pada akhir tempoh pelan dan hendaklah dikeluarkan pada tahun berikutnya.

7. PENUTUP

Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) dan pelan pencegahan rasuah organisasi adalah merupakan dokumen dasar antirasuah terbuka yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Ia merupakan komitmen susulan oleh Kerajaan untuk memantapkan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia. Sehubungan itu, segala tindakan yang dinyatakan dalam Arahan ini perlulah dilaksanakan dengan komited oleh semua pihak bagi memastikan visi Kerajaan untuk mewujudkan Malaysia sebagai negara bebas rasuah dan makmur tercapai.

8. TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.



ANWAR IBRAHIM

Perdana Menteri Malaysia

25 Oktober 2024

LAMPIRAN A

FORMAT LAPORAN PELAKSANAAN STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NASIONAL (NACS)

LAPORAN PELAKSANAAN STRATEGI DAN SUBSTRATEGI OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
BAGI SUKUTAHUN

Kementerian/Jabatan/Agenzi :
Bidang Keutamaan
Strategi
.....

BIL.	STRATEGI	SUBSTRATEGI	STATUS PELAKSANAAN	OUTCOME	CADANGAN / ULASAN
	Objektif strategik yang berkaitan	Inisiatif yang berkaitan	i) Tindakan yang telah diambil: Nyatakan perincian tindakan / aktiviti / program yang telah dilaksanakan bagi merealisasikan inisiatif ii) Tindakan lanjut yang akan diambil: Nyatakan perincian tindakan / aktiviti / program lanjut yang akan dilaksanakan	Nyatakan outcome/hasil yang akan dicapai dengan pelaksanaan inisiatif berkenaan.	Catatan mengenai perancangan tindakan/syor/cadangan penambahbaikan /permasyarat berkaitan inisiatif

Nota:

- i. Sebelum atau pada 10 April (Suku Tahun Pertama)
- ii. Sebelum atau pada 10 Julai (Suku Tahun Kedua)
- iii. Sebelum atau pada 10 Oktober (Suku Tahun Ketiga)
- iv. Sebelum atau pada 10 Januari (tahun berikutnya) (Suku Tahun Keempat)

